

13 OCT 1999

MALAYSIA-PEMULIHAN

KEPIMPINAN MAHATHIR LETAK MALAYSIA DI LANDASAN PEMULIHAN PANTAS

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Pemulihan pantas Malaysia daripada krisis kewangan Asia banyak dikaitkan dengan kepimpinan berwibawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, demikian menurut laporan sebuah akhbar Thailand, The Nation.

Dalam satu artikel bertajuk "Kepimpinan Meletakkan Malaysia di Landasan Pemulihan" yang disiarkan pada 9 Okt, The Nation menyatakan, "Kepimpinan Malaysia adalah tegas dan mempunyai wawasan yang luas dan kejayaan itu banyak bergantung kepada ketegasan dan wawasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang daripada pemimpin paling tegas di dunia," demikian ia memetik laporan daripada Thai Farmers Research Centre.

Ia menyatakan keadaan politik Malaysia stabil sepanjang pemerintahannya selama 18 tahun, dan Mahathir telah membuat kawalan tegas ke atas negara. Kuasa politik dan sokongan kuat membantu beliau menjalankan pentadbiran dengan lancar.

Artikel itu dikeluarkan kepada akhbar tempatan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini, hari ini.

Malaysia telah menunjukkan kepada dunia ia boleh mengelak reformasi ekonomi yang membawa padah seperti yang ditetapkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) terhadap negara-negara jirannya dan berjaya melepasi krisis kewangan Asia dengan jayanya, kata The Nation.

Malaysia menyaksikan pemulihan yang lebih pantas berbanding Thailand tanpa sokongan luar dan kejayaan itu dikaitkan dengan kepimpinan teguh negara, kata akhbar itu.

Ia menyatakan rakyat dan ahli perniagaan Malaysia tidak mengalami banyak masalah dalam usaha menuju ke arah pemulihan ekonomi berbanding Thailand.

Menurut akhbar itu faktor yang menyumbang kepada kejayaan Malaysia termasuklah dasar kadar-faedah rendah, penetapan ringgit untuk meningkatkan eksport, perbelanjaan belanjawan yang meningkat dan cukai ke atas aliran keluar modal asing.

Membandingkan keadaan antara Malaysia dan Thailand, ia menyatakan, hutang luar Malaysia tidak berada di tahap bahaya, hanya 50 peratus daripada KDNK pada akhir 1997, berbanding dengan 78 peratus di Thailand.

Kebanyakan hutang Malaysia adalah hutang jangka panjang dan sederhana, tidak seperti Thailand yang lebih kepada hutang jangka pendek, tambah akhbar itu.

Dengan memberikan keutamaan kepada kepentingan disiplin sosial, ia menyatakan Malaysia jarang mengalami kegelisahan sosial hasil daripada undang-undang dan penguatkuasaan yang ketat yang membolehkan konflik sosial dibendung dengan segera dan efektif agar dapat mengurangkan masalah ekonomi negara.

-- BERNAMA

MSL ZK MA